



جباتن كحاکيمن شرعية ملیسيا
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

JKSM /100-24/5 Jld. 3 (52)

13 Rabiulawwal, 1427H/
12 April, 2006M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah,
Negeri-negeri Seluruh Malaysia

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006
Amalan Sumpah Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Raibulawwal, 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju menerima pakai Amalan Sumpah Mahkamah Syariah. Segala prosiding sumpah dalam tuntutan kes Mal di Mahkamah Syariah hendaklah mengguna pakai Amalan ini.

2. Bersama-sama ini disertakan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah untuk tindakan bagi pemakaian di negeri-negeri.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun, 2006.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

azmee/aa2/2006

AMALAN SUMPAH MAHKAMAH SYARIAH

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah seperti berikut:

1. Hak-hak yang boleh menerima pakai sumpah.

- a) pertunangan, perkahwinan, rujuk, perceraian, nusyuz atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan hubungan suami isteri;
- (b) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (a);
- (c) nafkah orang-orang tanggungan;
- (d) kesahtarafan;
- (e) penjagaan atau jagaan (hadhanah) kanak-kanak;
- (f) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
- (g) perkara-perkara lain yang dibenarkan oleh Hukum Syarak di bawah bidangkuasa Mahkamah yang dinyatakan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

2. Kehadiran Pihak-Pihak Ketika Bersumpah

Melainkan Mahkamah menjalankan prosiding tanpa kehadiran salah satu pihak, sumpah hendaklah dilaksanakan dengan kehadiran kedua-dua pihak.

3. Anggapan Enggan Bersumpah (*Nukul*)

Ketidakhadiran mana-mana pihak yang dikehendaki bersumpah hendaklah dianggap enggan bersumpah (*nukul*).

4. Bersumpah Atas Kebenaran atau Perintah Hakim

Sumpah tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan kebenaran atau atas perintah Hakim.

5. Syarat-syarat sumpah

Syarat-syarat sumpah dalam Mahkamah adalah seperti berikut :-

- (i) Orang yang bersumpah hendaklah akil baligh dan sukarela;
- (ii) *Al-Mudda'a 'alaih* tidak mengakui hak *al-Mudda'ii*;
- (iii) Pihak yang bertikai meminta Hakim arahkan pihak satu lagi bersumpah;
- (iv) Orang yang bersumpah hendaklah bersumpah bagi dirinya sendiri;
- (v) Perkara yang disumpah itu bukanlah hak Allah semata-mata;
- (vi) Perkara yang hendak dilaksanakan sumpah itu hendaklah mengenai hak yang boleh diterima pembuktiannya melalui *iqrar*. (rujuk *Fiqh Al Islami wa Adillatuh*, ms 6074)

6. Kuasa Mahkamah Mengarahkan Pihak Bersumpah Al-Mutammimah

Walau apapun peruntukan Amalan 5, Hakim, boleh mengarahkan mana-mana pihak bersumpah *al-Yamin al-Mutammimah*.

7. Cara Bersumpah

Setiap sumpah hendaklah dilakukan dengan cara berikut -

- (a) Sumpah hendaklah berdasarkan kehendak dan niat pihak yang menuntut sumpah atau Hakim yang mengarahkan sumpah ;
- (b) sumpah dibuat berdasarkan setiap isu atau perkara yang dipertikaikan;
- (c) pihak yang menuntut pihak lain bersumpah hendaklah memastikan pihaknya tidak mempunyai keterangan lain;

- (d) Hakim hendaklah memberi peringatan dan amaran berhubung dengan implikasi sumpah yang dilaksanakan mengikut Hukum Syarak;
- (e) lafaz sumpah hendaklah dimulakan dengan *Wallahi*, *Wabillahi*, *Wa Tallahi* atau sifat-sifat Allah dan dibuat di dalam bentuk yang tegas dan jelas berhubung dengan sesuatu tuntutan atau penafian; dan
- (f) draf sumpah hendaklah disediakan oleh Hakim sebelum sumpah dilafazkan mengikut mana-mana borang yang ditetapkan.

8. Pelaksanaan Sumpah

- (1) Dalam mana-mana peringkat prosiding kes mal, *mudda'a 'alaih* perlu bersumpah dengan kebenaran Hakim apabila -
 - (a) *muddaa'ii* gagal mengemukakan keterangan yang mencukupi;
 - (b) *mudda'a 'alaih* menafikan tuntutan *muddaa'ii*; dan
 - (c) *muddaa'ii* menuntut *mudda'a 'alaih* bersumpah atas penafiannya; atau
- (2) Dalam mana-mana prosiding sedang berjalan, *al-muddaa'ii* perlu bersumpah apabila -
 - (a) *mudda'a 'alaih* enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim (*Yamin al-Mardudah*) ;
 - (b) *al-mudda'i* mengemukakan seorang saksi dan Hakim memerintahkannya bersumpah *Yamin al Takmilah*.

(c) Hakim mengarahkan *al-mudda'ii* bersumpah (*Yamin al-Mutammimah*)

(3) Dalam mana-mana prosiding sedang berjalan, Hakim boleh apabila difikirkan patut atau perlu mengarahkan mana-mana pihak bersumpah *Yamin Naf'yi al-'Ilmi* atau *Yamin al-Mutammimah*.

(4) Setelah mendengar semua keterangan *al-mudda'ii*, dan saksi-saksi serta berpuashati dengan keterangan yang diberikan, Hakim hendaklah memerintahkan *al-mudda'ii* bersumpah *Yamin Istizhar*.

9. Hakim Boleh Memerintahkan Kedua-dua Pihak Bersumpah

Dalam kes pertelingkahan harta yang bercampur di antara suami isteri atau waris yang mana kedua-dua pihak tidak ada *bayyinah* atau *qarinah* di atas tuntutan masing-masing, Hakim boleh memerintahkan atas permohonan kedua-dua pihak bersumpah *al-Yamin al-Hasimah* dan tuntutan dibahagi sama rata. (*rujukan Kitab Bughyah al-Mustarsyidin mukasurat 197 (baru – Darul Kutub al-Alamiah) (lama mukasurat 159),*

10. Taghliz Sumpah

(1) Setiap taghliz sumpah bolehlah dilaksanakan -

(a) dari sudut lafaz dengan menambah mana-mana nama Allah (*Wallahi, Wabillahi, Wa Tallahi*) atau sifat-sifatNya ; dan

(b) dari segi masa bolehlah dibuat selepas waktu solat `Asar pada hari Jumaat; dan

(c) dari segi tempat bolehlah dibuat di tepi mimbar dalam mana-mana masjid jamek. (*rujuk kitab al-Raudhah al-Tholibin Juzuk 11 mukasurat 7 Maktab Islami*)

Bertarikh 1 Mei, 2006

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized, overlapping loops and strokes, likely representing the name 'Ghazali'.

DATUK SHEIKH GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

LAMPIRAN A

TAFSIRAN UNGKAPAN TERTENTU

“*al-Mudda’i*” ertinya seseorang yang menegaskan sesuatu fakta.

“*al-Mudda’a `alaih*” ertinya seseorang yang menafikan sesuatu fakta.

“saksi” ertinya seseorang yang memberi keterangan tetapi tidak termasuk *Al-Mudda’i*, *Al-Mudda’a `Alaih* dan orang tertuduh;

“sumpah” ertinya sumpah syarie iaitu suatu perkataan yang disertakan dengannya nama Allah atau sifat-Nya, dilafazkan untuk menegaskan atau menafikan sesuatu hak atau fakta di dalam prosiding kehakiman;

“*taghliz*” ertinya cara pengukuhan sumpah mengikut Hukum Syarak;

“*al-Yamin al-Istizhar*” ertinya sumpah yang dibuat oleh *al-muda’ii* atas perintah Hakim setelah memberikan keterangan yang mencukupi dalam kes *muda’i alaih* yang ghaib atau mati atau kanak-kanak yang belum baligh, atau *al-safih*(bodoh), atau *al-mahjur* (yang dihalang mentadbirkan hartanya), *majnun* (gila) atau orang yang tidak sempurna akal. (*rujuk Kitab Mughni Muhtaj* Jld 4 halaman 407 / *al-Muhazab* Jld 2 halaman 304 / *Nihatul Muhtaj* Jld. 8 halaman 269 –270 / *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adilatuh* - Wahbah Al-Zuhayli Jld. 8 halaman 609)

“*an-Nukul*” ertinya enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim ;

“*al-Yamin Mardudah*” ertinya sumpah yang dijalankan oleh *muda’i* setelah ditolak oleh *muda’ alaih*;

“*al-Yamin al-Mutammimah*” ertinya sumpah yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak setelah diarahkan oleh Hakim untuk menguatkan perintahnya; (kiv)

“*al-Yamin al-Hasimah*” ertinya sumpah yang dilaksanakan oleh salah satu pihak atas permohonan pihak lain ; (kiv)

“Yamin al-Takmilah” ertinya sumpah yang dilaksanakan oleh muda’i di samping keterangan oleh seorang saksi ‘

“Yamin Nafyi al-`Ilmi” ertinya sumpah seseorang menafikan yang ia mengetahui sesuatu perbuatan mengenai orang lain (*rujuk al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuh Juzu’ 8 mukasurat 6067 kes Hadrami dan Kindi dan halaman 6068 Bab Hiwalah / Kitab l’annah al-Tolibin Juzu’ 3 halaman 131 cetakan Darul Kutub Alamiah tahun 1995/*

“Yamin al-Nafyi “ ertinya sumpah penafian yang dijalankan oleh muda’ alaih.

Amalan Sumpah Mahkamah Syariah

BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

<i>al-Yamin al-`Asliyah</i>	اليمين الأصلية
<i>al-Yamin al-Wajibah</i>	اليمين الواجبة
<i>al-Yamin al-Rafi'ah</i>	اليمين الرافعة
<i>al-Yamin al-Jazimah</i>	اليمين الجازمة
<i>al-Yamin al-Dafi'ah</i>	اليمين الدافعة
<i>al-Yamin al-Tuhmah</i>	اليمين التهمة
<i>al-Yamin al-Jalibah</i>	اليمين الجالبة
<i>al-Yamin al-Mardudah</i>	اليمين المردودة
<i>al-Yamin al-Munqalibah</i>	اليمين المنقلبة
<i>al-Yamin al-Mutamimah</i>	اليمين المتممة
<i>al-Yamin al-Hasimah</i>	اليمين ال حاسمة
<i>Yamin al-Istishaq</i>	يمين

الاستيثاق

<i>Yamin al-Istizhar</i>	يمين الإستظهار
<i>Yamin al-Istihqaq</i>	يمين الإستحقاق
<i>Yamin al-Istibra'</i>	يمين الإستبرأ
<i>Yamin Naf'yi al-Ilmi</i>	يمين نفى العلم
<i>Yamin al-Nafi</i>	يمين النفى
<i>al-Nukul</i>	النك و ل
<i>al-Rad</i>	الرد
<i>al-Taghliz</i>	التغليظ

JADUAL KEDUA
Arahan Sumpah Mahkamah Syariah

Istilah Sumpah Pihak *Al-Mudda'a `Alaih*

Sumpah Syarie yang diambil oleh *Al-Mudda'a `Alaih* untuk menafikan tuntutan dinamakan juga *al-Yamin al-Asliyyah*, *al-Yamin al-Wajibah*, *al-Yamin ar-Rafi'ah*, *al-Yamin al-Jazimah* dan *Yamin ad-Dafi'ah*.

Istilah Sumpah Pihak *Al-Mudda'i*

Sumpah Syarie yang diambil oleh *Al-Mudda'i* untuk mengukuhkan tuntutan dinamakan juga *Yamin at-Tuhmah* dan *al-Yamin al-Jalibah* termasuk *al-Yamin al-Mardudah* atau *al-Yamin al-Munqalibah*.

Istilah Sumpah *Al-Istizhar*

Yamin *al-Istizhar* juga dikenali sebagai *al-Yamin al-Istithaq*, *Yamin al-Istibra'* dan *Yamin al-Istithhaq*.

BORANG 1
Amalan Sumpah Mahkamah Syariah

(Amalan 8(1)(b))

Lafaz Sumpah Syarie Al-Mudda'a `Alaih

Wallahi, Wabillahi, Watallahi, demi Allah aku (Nama Al-Mudda'a `Alaih)
bersumpah dengan nama Allah bahawasanya aku menafikan tuntutan
Al-Mudda'i (nama Al-Mudda'i) berhubung dengan

.....

Dan jika aku berdusta pada sumpah aku nescaya dimurkai Allah dan laknat-Nya
di atas aku dunia dan akhirat.

Bertarikh pada haribulan tahun .

.....

Tandatangan Orang Yang Bersumpah

Di hadapan :

.....

(Tandatangan Hakim)

BORANG 2
Amalan Sumpah Mahkamah Syariah

(Amalan 8 (2)(a))

Lafaz Sumpah Al-Mudda'i

Wallahi, wabillahi, wattallahi, demi Allah aku (Nama Al-Mudda'i) bersumpah dengan nama Allah bahawasanya tuntutan aku berhubung dengan
adalah benar dan jika aku berdusta pada sumpah aku nescaya dimurkai Allah dan azabNya di atas aku dunia dan akhirat.

Bertarikh pada haribulan tahun .

.....
Tandatangan Orang Yang Bersumpah

Di hadapan :

.....
(Tandatangan Hakim)

BORANG 3
Amalan Sumpah Mahkamah Syariah
(Amalan 8(2)(b))

Lafaz Sumpah *Al-Mudda'i* Bersama Seorang Saksi

Wallahi, Wabillahi, Watallahi, demi Allah aku (Nama *Al-Mudda'i*) bersumpah dengan nama Allah bahawasanya tuntutan aku berhubung dengan
dan keterangan seorang saksi aku adalah benar dan jika aku berdusta pada sumpah aku nescaya dimurkai Allah dan azabNya di atas aku dunia dan akhirat.

Bertarikh pada haribulan tahun .

.....
Tandatangan Orang Yang Bersumpah

Di hadapan :

.....
(Tandatangan Hakim)

BORANG 4

Amalan Sumpah Mahkamah Syariah

(Amalan 8(4))

Lafaz Sumpah *Al-Istizhar*

Wallahi, Wabillahi, Watallahi, demi Allah aku (Nama) bersumpah dengan nama Allah bahawasanya keterangan yang diberikan bagi pihak aku berhubung

.....
. adalah benar dan jika aku berdusta pada sumpah aku nescaya dimurkai Allah dan azabNya di atas aku dunia dan akhirat.

Bertarikh pada haribulan tahun .

.....
Tandatangan Orang Yang Bersumpah

Di hadapan :

.....
(Tandatangan Hakim)